

21 AUG 2003

Mahathir-PAS

PAS GUNA ISLAM CARI KEUNTUNGAN POLTIK, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS hanya menumpang atas nama Islam bagi mencari keuntungan politik sedangkan tidak ada sedikitpun yang Islam dalam perjuangan parti itu.

"Ini nak bertinggung atas Islam, nak cari keuntungan politik...itu saja. Tak ada Islam sikitpun daripada perjuangan PAS, tak ada Islam langsung," kata Perdana Menteri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan PAS yang dikatakan hendak menggunakan dua manifesto berlainan pada pilihan raya umum akan datang.

"Itu nak tipulah tu. Orang kata lidah bercabang macam tulah, satu bercabang masuk dalam negeri, satu bercabang ke persekutuan...sini cakap lain sana cakap lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan bangunan 13 tingkat Menara Kastam Johor yang berharga RM34 juta di sini hari ini.

Beliau berkata dengan manifesto yang berlainan itu bermaksud PAS juga hendak menipu kawannya dalam pembangkang iaitu DAP.

"Kawan dia pun dia nak tipu juga...dia tipu semua orang, ini dipanggil parti Islam, parti Islam apa?," tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau pernah bercakap dengan Perdana Menteri Turki yang memang diketahui kuat berkenaan dengan agama Islam mengenai penggunaan perkataan Islam dalam nama parti.

"Dia memang kuat berkenaan dengan agama Islam tetapi dia kata tak boleh bagi nama Islam kepada parti dia...kalau-kalau dia buat benda yang salah orang akan salahkan Islam.

"Sebab itu dia (Perdana Menteri Turki) tak nak guna perkataan Islam dalam parti dia. Kalau dia yang buat salah, itu salah dialah, bukan salah Islam," kata Dr Mahathir.

Menara Kastam Johor itu akan menempatkan ibu pejabat kastam negeri yang dipindahkan dari Kompleks Kastam Tanjung Puteri.

Bangunan yang didirikan di tapak seluas kira-kira 4.7 hektar itu mula dibina oleh kontraktor Bakti Insani Sdn Bhd pada April 1999 dan diserahkan kepada kastam pada November 2001.

Selain menempatkan pejabat pengarah kastam negeri, ia juga menempatkan cawangan perakaunan hasil dan pusat pelesenan setempat, bahagian cukai dalaman dan perkhidmatan pelanggan serta pejabat pengurusan am dan beberapa kemudahan seperti surau dan kafeteria.

-- BERNAMA

MNY MOZ